


**PERPUSTAKAAN  
FAKULTI ALAM BINA**



FAB3000009864

KAJIAN PENILAIAN TAHAP POTENSI KESESUAIAN SKIM BEBAS-KERETA  
KAJIAN KES: KAWASAN KOMERSIL JALAN KEBUDAYAAN,  
TAMAN UNIVERSITI

NORBAIZURA BINTI MD.ZIN

Tesis ini dikemukakan  
sebagai memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2009



## ABSTRAK

Pelbagai kaedah penyelesaian telah diperkenalkan bagi mengatasi masalah isu pengangkutan bandar. Ini termasuklah pendekatan kejuruteraan yang biasa digunakan seperti projek menaiktaraf jalan sedia ada, pelebaran jalan, pembinaan jalan alternatif dan pembinaan persimpangan bertingkat untuk meningkatkan kapasiti jalan raya. Namun, kaedah ini bukan sahaja gagal menyelesaikan masalah pengangkutan bandar, malah lebih menggalakkan lagi pertambahan jumlah kenderaan persendirian di atas jalan raya. Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengkaji dan memahami konsep bebas kereta bagi melihat kesesuaian perlaksanaannya di Malaysia dalam menjadikannya sebagai salah satu cara bagi menangani masalah trafik dan lalulintas. Kajian ini secara khususnya adalah berkenaan penentuan tahap potensi kesesuaian kawasan kajian untuk cadangan pelaksanaan konsep bebas-kereta yang memfokuskan kepada kawasan komersil pejalan kaki. Penentuan kawasan berpotensi ini dilakukan dengan menentukan sepuluh kriteria potensi skim bebas-kereta iaitu kepelbagaian aktiviti, tahap tumpuan aktiviti, tahap penjanaaan pejalan kaki, tahap penarikan, ketumpatan pejalan kaki, ciri-ciri tujuan pejalan kaki, dan konflik pejalan kaki dengan kereta, kualiti penghubung, kualiti tempat, dan juga skala dan proporsi. Tiga kaedah digunakan bagi kajian ini, survei terhadap orang ramai bagi mendapatkan tahap persetujuan, pemerhatian dan pengamatan pengkaji di tapak kajian dan juga, penilaian potensi dilakukan ke atas setiap jalan melalui teknik Matriks Pencapaian Matlamat (GAM) melalui pemberian skor potensi. Berdasarkan hasil analisis yang diperolehi, pembentukan satu set garis panduan umum dan cadangan konsep bebas-kereta mengikut kesesuaian konteks Malaysia dilakukan. Cadangan membabitkan perubahan fizikal dan juga penambahbaikan lebih menjerumus ke arah menggalakkan pengunjung menggunakan mod pengangkutan awam dan berjalan kaki.



## **ABSTRACT**

Transportation planning in Malaysian cities is normally done giving emphasis on the motorized transport, thus emphasizing on roadway planning, infrastructure design and development. The public and the community at large are seldom considered in their needs and desire in the entire spectrum of transportation planning. The living city, the pedestrian city and car free city concepts were never emphasized. What is noticeable in these cities is that transportation planning fail to solve the urban transportation problems. In fact, instead of creating a conducive and healthy city for the residents it encourages the growth in auto ownership and auto use resulting in more congestion. The main purpose of this study is to evaluate the feasibility of implementing car-free scheme in Malaysian cities. It specifically focuses in pedestrianization in the commercial area. Ten (10) evaluation criteria were employed in the study, and these are: the level of economic diversity, the level of activity concentration, the level of pedestrian generation, the level of attraction created by the economic activity, pedestrian concentration, pedestrian walking purposes, conflict between cars and pedestrians, scale and proportion, the quality of connectors and also the quality of place. The methods are being used for the study are questionnaire surveys by acquiring information from shop owners and customers, observations on the 10 criteria above on the study area. The data collected were analyzed using the technique of Goal Achievement Matrix (GAM) by given score potential for each street that have been evaluated based on the 10 criteria. The analysis eventually resulted in the identification of streets in the commercial area that have the potential to be implemented as car free. Finally, the study formulated some guidelines plus a conceptual plan for implementation.